

24/01/2001

Tiada kaum dapat semua: PM (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Sempena Tahun Baru Cina, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat pelbagai kaum di negara ini supaya sedar bahawa tidak akan ada satu kaum boleh berpuas hati dengan apa yang mereka peroleh.

Malah, kata Perdana Menteri, tidak akan ada satu kaum pun yang akan mendapat kesemua yang dituntut mereka dan hakikat itu mesti diterima oleh semua.

Dalam perutusan Tahun Baru Cinanya, Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, hak dan kebebasan rakyat mengekalkan untuk identiti tersendiri tetap terjamin walaupun sesetengahnya mungkin daripada kaum minoriti.

Rakyat bebas mengamalkan adat, budaya, bahasa dan agama tanpa sebarang halangan dan keadaan itu membolehkan mereka hidup berharmoni, tidak seperti di negara lain.

"Inilah kebaikan yang kita dapat sebagai rakyat negara bertuah ini. Walaupun Bumiputera diberi layanan yang istimewa sedikit, ini tidak menjejaskan hak dan peluang kaum lain.

"Sebaliknya, usaha mengimbangkan kedudukan kaum telah menjamin bahawa rusuhan antara kaum tidak berlaku walaupun ketika kegawatan ekonomi," katanya. Perutusan itu dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Dr Mahathir meminta rakyat terus berikrar mengekalkan keharmonian dan perpaduan kaum supaya kehidupan di negara ini kekal aman dan sempurna.

Katanya, lebih banyak keuntungan akan diperolehi daripada kestabilan negara berbanding dengan hak yang lebih dalam negara tidak aman dan diancam dengan rusuhan.

Beliau menyifatkan sambutan Gong Xi Fa Chai kali ini agak istimewa kerana ia adalah perayaan hari kebesaran pertama disambut rakyat Malaysia pada 2001 yang juga permulaan abad baru dan alaf ketiga.

"Walaupun kita sudah melangkaui abad dan alaf baru ini dengan pelbagai cabaran, sebagai rakyat Malaysia, kita amat bertuah kerana setiap tahun dapat merayakan apa saja perayaan membabitkan mana-mana kaum dalam keadaan aman dan harmoni.

Beliau berharap sempena Tahun Baru Cina ini amalan mengunjungi rumah terbuka diteruskan supaya kemesraan antara kaum dapat dijalinan.

Kepada semua rakyat Malaysia khususnya kaum Cina, beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, mengucapkan Gong Xi Fa Chai.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menasihatkan semua pihak supaya jangan membangkitkan isu-isu sensitif yang boleh mencetuskan ketegangan antara kaum.

Dalam perutusan Tahun Baru Cinanya, Dr Ling berkata tindakan negatif seumpama itu tidak akan membawa apa-apa faedah kepada rakyat dan negara.

"Keharmonian kaum adalah penting bagi menjamin kestabilan politik dan keamanan masyarakat sepanjang masa," katanya.

Beliau berharap rakyat meneruskan budaya kunjung mengunjungi untuk menjalinan persahabatan dan semangat muhibah.

"Mengikut tradisi kaum Cina, tahun ini adalah tahun Ular Emas dan mudah-mudahan membawa perubahan baik dan kemajuan kepada negara serta rakyat dalam semua bidang," katanya.

Dr Ling juga meminta rakyat terus berusaha kuat bagi memastikan keadaan ekonomi negara terus kukuh dan maju.

Dalam perutusan yang sama, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, rakyat Malaysia perlu bersikap lebih bertimbang rasa terhadap

keperluan dan sensitiviti orang lain.

Katanya, rakyat juga harus mengekalkan semangat tolak ansur yang wujud dalam masyarakat negara ini yang unik.

"Jangan kita, hanya disebabkan perbezaan politik, kaum, agama atau budaya, mengetepikan segala-galanya dan membahayakan keluarga, negara dan masa depan kita," katanya.

(END)